



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KERAJAAN KOMITED MEMBERDAYA DAN MEMBUKA PELUANG KEPADA WANITA

**SEREMBAN, 25 FEBRUARI:** Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Zon Tengah di Casa Lagenda Convention Centre (CLCC) Senawang dan perasmianya telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam ucapannya menyatakan bahawa pembangunan sebuah negara tidak akan tercapai tanpa sumbangan dan pengorbanan daripada kaum wanita. Inovatif, kreatif, beradaptasi, multi-tasking, tabah, kepimpinan dan empati adalah antara sifat yang telah membolehkan wanita terus cemerlang dan mencapai segala impian yang diinginkan.

Beliau turut menyatakan bahawa wanita mempunyai keupayaan yang luar biasa. Dari pemimpin sehingga suri rumah tangga, wanita mengimbangi pelbagai peranan tanpa pernah mengorbankan kekuatan dan keupayaan mereka dan beliau menyeru agar suara wanita sentiasa didengari, hak mereka dihormati dan potensi mereka direalisasi.

Sejarah menunjukkan bahawa wanita sangat inovatif dan boleh berubah mengikut keadaan semasa untuk memastikan survival kehidupan diri dan keluarga sentiasa terpelihara. Peluang yang terbuka akan membolehkan wanita memberdaya diri untuk membina legasi sejajar dengan tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 iaitu ‘Wanita Beraspirasi Membina Legasi’.

Potensi dan kewibawaan wanita juga dapat dilihat semasa Pandemik Covid-19 apabila wanita berinovatif mengikut keadaan semasa untuk memastikan survival kehidupan diri dan keluarga sentiasa dijaga. Sewaktu pandemik melanda, banyak usahawan baharu yang telah muncul khususnya dalam bidang perniagaan dalam talian sehingga ada di antara wanita yang berjaya menjadikan perniagaan itu sebagai sumber pendapatan utama.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa dilaksanakan untuk menunjukkan komitmen Kerajaan Madani memperkasa wanita mengikut lunas-lunas perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kesaksamaan Gender turut diperjuangkan untuk memberi hak dan peluang yang sama kepada semua. Kesaksamaan Gender tidak bermaksud semua hak dan peluang kaum lelaki akan diambil oleh wanita tetapi kedua-dua kaum lelaki dan wanita berkongsi peluang tanpa adanya diskriminasi perbezaan gender.

Malaysia telah menunjukkan komitmen dengan meratifikasi Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau CEDAW dengan beberapa pengecualian yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perundangan Islam.

Turut hadir YBhg Dato' Rozitta Binti Sulaiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, YB Dato' Noorzunita Begum Binti Mohd Ibrahim, Pengurus Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Negeri Sembilan, YB Puan Sri Bibi Sharliza Binti Hj. Mohd Khalid, Adun Juasgeh Negeri Sembilan, YBhg Datin Izzatul Shima Binti Md Thahir, Timbalan Ketua Pengarah (Wakil Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita) dan pegawai-pegawai kanan kementerian dan negeri, Jabatan dan Agensi KPWKM.

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**25 FEBRUARI 2025**